



KERATAN AKHBAR

| | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|------|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | |
| TARIKH | : | 17/12/2019 | MUKA SURAT | : 13 |
| JABATAN | : | JPS / BANJIR | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | |

10 PPS di Rompin

KUANTAN - Seramai 1,003 mangsa melibatkan seramai 256 keluarga dari daerah Rompin terpaksa dipindahkan akibat banjir susulan hujan lebat tanpa henti sejak kelmarin.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, Penolong Pesuruhjaya (PA) Zainal Yusof berkata, se-



ZAINAL

takat ini sebanyak 10 pusat pemindahan sementara (PPS) telah dibuka bagi menempatkan semua mangsa terjejas.

"PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Piggau merekodkan jumlah mangsa paling tinggi iaitu seramai 284 mangsa (81 keluarga)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ia diikuti SK Sarang Tiong (208 mangsa), Dewan Kampung Setajam (187 mangsa), SK Sarang Tiong (127 mangsa), Balairaya Kampung Rekoh (119 mangsa), Dewan Angkat Berat (44 mangsa), Balai Kampung Sepayang (40 mangsa), Balai Raya Bukit Lepas (33 mangsa), Dewan Teluk Gading (30 mangsa), Balairaya Kampung Janglau (28), dan Balairaya Lintang atau Surau Kampung Perpat membatikan empat keluarga dengan 26 mangsa.

Sementara itu, beliau berkata, Temerloh menjadi daerah kedua di Pahang dilanda banjir selepas Rompin dengan jumlah keseluruhan mangsa di PPS seramai 1,074 mangsa daripada seramai 274 keluarga sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Daerah Kluang di Johor pula merekodkan jumlah mangsa banjir paling ramai iaitu seramai 2,640 orang dengan sebanyak 28 PPS dibuka, diikuti Kota Tinggi seramai 2,123 orang dengan 14 PPS dibuka.

Amaran cuaca waspada (kuning) diletakkan bagi daerah Kota Tinggi, Mersing, Kulai, Segamat dan Kluang.

FOTO: IHSAN APM PAHANG

Mangsa yang berjaya dipindahkan ke 10 PPS di daerah Rompin berikutan kawasan kediaman mereka dinaiki air.

